

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

SILA BACA HELAIAN MAKLUMAT PRODUK INI SEBELUM ANDA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MEMOHON PRODUK INI. PASTIKAN JUGA ANDA MEMBACA TERMA DAN SYARAT AM DENGAN TELITI.

NAMA PRODUK : MAXIPLAN - PEMBIAYAAN HARTANAH UNTUK PERNIAGAAN
 TARIKH : [Tarikh helaian ini diberikan kepada pelanggan untuk diisi oleh Staf]

1. APAKAH PRODUK INI?

MAXIPLAN ADALAH PAKEJ PEMBIAYAAN HARTANAH YANG DITAWARKAN KEPADA PELANGGAN PERBANKAN PERNIAGAAN YANG BERKELAYAKAN.

PAKEJ PEMBIAYAAN INI ADALAH UNTUK TUJUAN YANG BERIKUT:

- PEMBIAYAAN PEMBELIAN HARTANAH KOMERSIL, INDUSTRI ATAU KEDIAMAN
- PEMBIAYAAN SEMULA DARIPADA BANK / INSTITUSI KEWANGAN YANG LAIN
- GADAI JANJI SEMULA HARTANAH YANG BEBAS DARIPADA BEBANAN HUTANG
- PENGELUARAN SEMULA ATAS PEMBIAYAAN HARTANAH SEDIA ADA (HANYA UNTUK PELANGGAN MAYBANK)
- PEMBIAYAAN MODAL KERJA UNTUK PERNIAGAAN
- PEMBIAYAAN KOS PENGUBAHSUAIAN/ PEMBINAAN
- PEMBIAYAAN PEMBELIAN TANAH KOMERSIL/ INDUSTRI KOSONG BERSAMA PEMBINAAN HARTANAH KOMERSIL/ INDUSTRI

MAXIPLAN MENAWARKAN TIGA (3) PILIHAN PEMBIAYAAN:

- PILIHAN I - MARGIN PEMBIAYAAN SEHINGGA 85% (UNTUK DIDIAMI SENDIRI TANPA KEMUDAHAN PERDAGANGAN)
- PILIHAN II - MARGIN PEMBIAYAAN SEHINGGA 70% (UNTUK PELABURAN TANPA KEMUDAHAN PERDAGANGAN)
- PILIHAN III - MARGIN PEMBIAYAAN SEHINGGA 120% (UNTUK DIDIAMI SENDIRI DENGAN KEMUDAHAN PERDAGANGAN)

JENIS-JENIS KEMUDAHAN BOLEH DIDAPATI DALAM BENTUK PEMBIAYAAN BERJANGKA, OVERDRAF DAN KEMUDAHAN PERDAGANGAN.

2. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

JUMLAH PEMBIAYAAN	JUMLAH PINJAMAN MAKSIMUM SEHINGGA RM 20.0 JUTA BAGI SETIAP HARTANAH SETIAP PERMOHONAN (JUMLAH PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN TERTAKLUK KEPADA BUDI BICARA PIHAK BANK)
MARGIN PEMBIAYAAN	<ul style="list-style-type: none"> • PILIHAN I - SEHINGGA 85% (UNTUK DIDIAMI SENDIRI TANPA KEMUDAHAN PERDAGANGAN) • PILIHAN II - SEHINGGA 70% (UNTUK PELABURAN TANPA KEMUDAHAN PERDAGANGAN) • PILIHAN III - SEHINGGA 120% (UNTUK DIDIAMI SENDIRI DENGAN KEMUDAHAN PERDAGANGAN)
TEMPOH PEMBIAYAAN	MAKSIMUM 20 TAHUN
KADAR FAEDAH	<ul style="list-style-type: none"> • PEMBIAYAAN BERJANGKA : KPA DI ANTARA -1.40% HINGGA KPA - 1.90% SETAHUN • OVERDRAF : KPA + 0.50% DI ANTARA HINGGA KPA - 0.50% SETAHUN • KEMUDAHAN PERDAGANGAN : UNTUK DITENTUKAN OLEH PIHAK BANK MENGIKUT SETIAP KES (KPA = KADAR PEMBIAYAAN ASAS) <p>NOTA: DI ATAS ADALAH KADAR YANG DITERBITKAN. UNTUK KADAR YANG DIKURANGKAN, ADALAH TERTAKLUK KEPADA BUDI BICARA PIHAK BANK DAN PENILAIAN BERDASARKAN KELAYAKAN PELANGGAN.</p>
MANFAAT LAIN	<ol style="list-style-type: none"> 1) PRODUK INSURANS ETIQA 2) KAD KOMERSIAL 3) PERKHIDMATAN PENGURUSAN TUNAI DAN GAJI

3. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

UNTUK PEMBIAYAAN BERJANGKA

- MEMBUAT PEMBAYARAN FAEDAH BULANAN SEBELUM PINJAMAN PENUH DIKELUARKAN OLEH PIHAK BANK
- MEMBUAT PEMBAYARAN ANSURAN BULANAN SETELAH PINJAMAN DIKELUARKAN SEPENUHNYA OLEH PIHAK BANK
- MEMBUAT PEMBAYARAN JUMLAH TERTUNGGAK (JUMLAH PRINSIPAL TERMASUK DAN FAEDAH YANG DIKENAKAN) YANG TERHUTANG KEPADA BANK SEMASA PEMBATALAN ATAU PENAMATAN ATAU PENARIKAN BALIK KEMUDAHAN PEMBIAYAAN.

PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN SECARA ANSURAN BULANAN (DIKIRA BERDASARKAN KADAR FAEDAH SEMASA, TEMPOH PINJAMAN DAN BAKI PINJAMAN TERKUMPUL). JUMLAH BAYARAN ANSURAN AKAN BERMULA SETELAH PENGELUARAN PINJAMAN DIKELUARKAN SEPENUHNYA OLEH PIHAK BANK.

JUMLAH ANSURAN BULANAN*	RM _____ (JUMLAH PINJAMAN TERMASUK KADAR FAEDAH)
JUMLAH KESELURUHAN ANSURAN DARIPADA JUMLAH PEMBIAYAAN*	RM _____

CONTOH ILUSTRASI

KADAR PEMBIAYAAN ASAS (KPA) : 6.65% (BERKUATKUASA 17 MEI 2019)
 KADAR FAEDAH : KPA - 1.90% SETAHUN
 JUMLAH PINJAMAN : RM 1,000,000
 TEMPOH PINJAMAN : 20 TAHUN

KADAR	HARI INI (KPA=6.65%) 4.75% (6.65% -1.90%)	SEKIRANYA KPA MENINGKAT 1% 5.75% (6.65% +1.00% -1.90%)	SEKIRANYA KPA MENINGKAT 2% 6.75% (6.65% +2.00% -1.90%)
BAYARAN ANSURAN BULANAN	RM6,462	RM7,021	RM7,604
JUMLAH FAEDAH PADA AKHIR 20 TAHUN	RM550,937	RM685,000	RM824,874
JUMLAH PEMBAYARAN PADA AKHIR 20 TAHUN	RM1,550,937	RM1,685,000	RM1,824,874

*NOTA: JUMLAH ANSURAN DAN JUMLAH BAYARAN BALIK MUNGKIN BERBEZA TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN KPA

UNTUK OVERDRAF

- MEMBUAT BAYARAN FAEDAH SECARA BULANAN MENGIKUT JUMLAH PINJAMAN YANG TELAH DIGUNAKAN.
- MEMBUAT PEMBAYARAN JUMLAH TERTUNGGAK (JUMLAH PRINSIPAL TERMASUK DAN FAEDAH YANG DIKENAKAN) YANG TERHUTANG KEPADA BANK SEMASA PEMBATALAN ATAU PENAMATAN ATAU PENARIKAN BALIK KEMUDAHAN PEMBIAYAAN.

BAYARAN KEUNTUNGAN BULANAN AKAN DIKIRA BERDASARKAN KIRAAN HARIAN MENGGUNAKAN KADAR FAEDAH EFEKTIF SEMASA, BAKI SEMASA DAN BILANGAN HARI PENGGUNAAN DALAM SATU BULAN.

UNTUK KEMUDAHAN PERDAGANGAN

- MEMBUAT BAYARAN FAEDAH/KOMISEN SECARA BULANAN MENGIKUT JUMLAH PINJAMAN YANG TELAH DIGUNAKAN
- MEMATUHI TERMA DAN SYARAT KEMUDAHAN PERDAGANGAN YANG DIBERIKAN OLEH BANK SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DI DALAM SURAT TAWARAN, SYARAT-SYARAT UMUM DAN SYARAT AM KEMUDAHAN PERDAGANGAN

4. BERAPAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

DUTI SETEM	SEBAGAIMANA YANG TERCATAT DALAM AKTA DUTI SETEM 1949 (PINDAAN 1989)
YURAN KOMITMEN	YURAN KOMITMEN PADA KADAR 1.00% SETIAP TAHUN AKAN DIKENAKAN TERHADAP BAHAGIAN KEMUDAHAN PINJAMAN BERJANGKA DAN OVERDRAF YANG BELUM DIGUNAKAN

CAJ KE ATAS OVERDRAF YANG MELEBIHI HAD YANG DILULUSKAN	1.00% SETAHUN DI ATAS KADAR YANG DITETAPKAN KE ATAS JUMLAH YANG TERTUNGGAK
LAIN- LAIN YURAN DAN CAJ	SEMUA KOS DAN PERBELANJAAN SEPERTI YURAN GUAMAN, YURAN PENILAIAN ATAU LAIN-LAIN CAJ DOKUMENSASI YANG TERLIBAT BAGI PENYEDIAAN SEMUA DOKUMEN PERMOHONAN DAN MELENGKAPKAN DOKUMEN UNTUK MELINDUNGI PIHAK BANK

5. SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI OBLIGASI SAYA?

DENDA ANSURAN LEWAT ATAS PINJAMAN BERJANGKA	1.00% SETAHUN KE ATAS JUMLAH TERTUNGGAK
HAK PENYELESAIAN	PIHAK BANK BERHAK MENGGUNAKAN MANA-MANA BAKI KREDIT DALAM AKAUN ANDA YANG DIBUKA DI BANK UNTUK MELUNASKAN APA JUA JUMLAH ANSURAN TERTUNGGAK MELIBATKAN PEMBIAYAAN INI
KADAR KEMUNGKIRAN	JIKA BERLAKU KEMUNGKIRAN (TIADA PEMBAYARAN) SEBANYAK (3) TIGA KALI BERTURUT-TURUT, PEMBAYARAN FAEDAH SEBELUM BERMULANYA BAYARAN ANSURAN ATAU SEMASA BAYARAN ANSURAN, PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENUKAR KADAR YANG TELAH DITETAPKAN DITAMBAH DENGAN KPA + 2.50% SETAHUN, ATAU + 1.00% SETAHUN MELEBIHI KADAR YANG TELAH DITETAPKAN, YANG MANA LEBIH TINGGI, DAN DIKENAKAN KE ATAS BAKI PEMBIAYAAN, ATAU LAIN-LAIN KADAR SEBAGAIMANA YANG DITETAPKAN OLEH PIHAK BANK DARI SEMASA KE SEMASA.

***NOTA: NOTIS AKAN DIBERI KEPADA PELANGGAN**

6. JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?

TEMPOH BERKUNCI (PINJAMAN BERJANGKA)	3 TAHUN BERKUATKUASA DARIPADA PENGELUARAN PENUH PEMBIAYAAN
YURAN PENYELESAIAN AWAL (PINJAMAN BERJANGKA)	2.0% KE ATAS JUMLAH PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN
TEMPOH BERKUNCI (OVERDRAF)	5 TAHUN BERKUATKUASA DARIPADA PENGELUARAN PENUH PEMBIAYAAN
YURAN PENYELESAIAN AWAL (OVERDRAF)	3.0% KE ATAS JUMLAH PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN

7. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN PERLINDUNGAN INSURANS/ TAKAFUL?

POLISI INSURANS BERIKUT DISYORKAN UNTUK DIAMBIL (TIDAK TERHAD KEPADA):

- A) INSURANS KEBAKARAN
- B) INSURANS BERTEMPOH GADAI JANJI BERKURANGAN (MRTA).
- C) INSURANS ORANG UTAMA SEPERTI PREMIER CASH REFUND (PCR) ATAU SMART SECURE (SS)

SEMUA POLISI INSURANS DI ATAS DITAWARKAN KEPADA PEMILIK PERNIAGAAN BAGI PERLINDUNGAN SEKIRANYA BERLAKU KEMATIAN ATAU HILANG UPAYA KEKAL. WALAUBAGAIMANAPUN, ANDA BEBAS UNTUK MEMILIH PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH LAIN -LAIN SYARIKAT INSURANS.

8. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN PENJAMIN?

YA, JAMINAN BERSAMA DAN BERASINGAN DIPERLUKAN UNTUK SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD MANAKALA JAMINAN INDIVIDU DIPERLUKAN OLEH SYARIKAT PEMILIKAN TUNGGAL, RAKAN KONGSI ATAU PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD.

9. APAKAH RISIKO UTAMA?

KADAR FAEDAH PEMBIAYAAN YANG TELAH DITETAPKAN BOLEH BERUBAH DARI SEMASA KE SEMASA MENGIKUT PERUBAHAN DALAM KADAR PINJAMAN ASAS (KPA). PENINGKATAN DALAM KADAR FAEDAH BOLEH MENYEBABKAN JUMLAH BAYARAN ANSURAN BULANAN YANG LEBIH TINGGI.

JIKA ANDA MEMPUNYAI MASALAH UNTUK MEMBUAT BAYARAN BALIK, SILA HUBUNGI KAMI LEBIH AWAL UNTUK BERBINCANG MENGENAI ALTERNATIF BAYARAN BALIK.

10. APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT UNTUK MENGHUBUNGI SAYA?

ADALAH PENTING BAGI ANDA UNTUK MEMAKLUMKAN KEPADA KAMI MENGENAI SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT PERHUBUNGAN ANDA UNTUK MEMASTIKAN ANDA DAPAT DIHUBUNGI ATAU MENERIMA SURAT-MENYURAT TEPAT PADA MASANYA. UNTUK MENGEMASKINIKAN MAKLUMAT PERHUBUNGAN ANDA, ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI MELALUI SATU DARIPADA SALURAN BERIKUT, LAMAN SESAWANG MAYBANK2U ATAU CAWANGAN PUSAT PERNIAGAAN DIMANA AKAUN ANDA DISELENGGARAKAN.

11. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?

- I) JIKA ANDA MEMPUNYAI MASALAH DALAM MEMBUAT BAYARAN BALIK, ANDA PERLU MENGHUBUNGI KAMI SECEPAT MUNGKIN UNTUK BERBINCANG MENGENAI ALTERNATIF BAGI BAYARAN BALIK. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI DI ALAMAT YANG BERIKUT:

PUSAT PERNIAGAAN : _____

ALAMAT: _____

TEL/FAKS: _____ E-MEL: _____

- II) SEBAGAI ALTERNATIF, ANDA BOLEH MENDAPATKAN PERKHIDMATAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK), SEBUAH AGENSI YANG DITUBUHKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERCUMA MENGENAI PENGURUSAN WANG, KAUNSELING KREDIT DAN PENSTRUKTURAN SEMULA HUTANG UNTUK INDIVIDU. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI AKPK DI:

TINGKAT 8, MAJU JUNCTION MAIL
1001, JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR

TEL: 1-800-22-2575 E-MEL: ENQUIRY@AKPK.ORG.MY

- III) JIKA ANDA TIDAK BERPUAS HATI DENGAN CARA KAMI MENJAWAB PERTANYAAN ATAU ADUAN ANDA, SILAHUBUNGI BANK NEGARA MALAYSIA LINK ATAU TELELINK DI:

BLOK D, BANK NEGARA MALAYSIA
JALAN DATO' ONN
50480 KUALA LUMPUR
TEL: 1-300-88-5465

FAKS: 03-21741515 E-MEL: BNMTELELINK@BNM.GOV.MY

12. DI MANA BOLEH SAYA MENDAPTKAN MAKLUMAT SELANJUTNYA?

JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI KAMI DI:

PUSAT PERNIAGAAN :

ALAMAT :

TEL :

E-MEL:

13. PAKEJ PEMBIAYAAN LAIN YANG DISEDIAKAN:

1. BIZPLUS PAKEJ
2. CLEP (CREDIT LIMIT ENHANCEMENT PROGRAM/ PROGRAM PENINGKATAN HAD KREDIT)
3. WCGS (WORKING CAPITAL GUARANTEE SCHEME/ SKIM MODAL KERJA)
4. PEMBIAYAAN KONTRAK
5. PINJAMAN TITIAN/ BRIDGING FINANCE

PENAFIAN TUNTUTAN

MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN DALAM HELAIAN MAKLUMAT PRODUK INI ADALAH BAGI TUJUAN INFORMASIDAN TIDAK TERIKAT KEPADA PIHAK BANK. TERMA DAN SYARAT ADALAH SEPERTI YANG DITETAPKAN DALAM SURAT TAWARAN DAN TERTAKLUK KEPADA PENILAIAN KREDIT SERTA KELULUSAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN INI.

NOTA PENTING:

PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN ANDA.